

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENERAPAN PRINSIP-PRINSIP  
SYARIAH DALAM PENYELESAIAN  
ISU KEJIRANAN: KAJIAN DI KOTA  
BHARU, KELANTAN**

**SYAIMAA' BINTI ASBULLAH**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Sarjana**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Julai 2022**

## **DEKLARASI PENULIS**

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatkan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Syaimaa' Binti Asbullah  
No. Pelajar : 2019933327  
Program : Sarjana Pengajian Islam Kontemporari – IC780  
Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Tajuk Tesis : Penerapan Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Penyelesaian  
Isu Kejiraninan: Kajian Di Kota Bharu, Kelantan  
  
  
Tandatangan Pelajar : .....  
Tarikh : Julai 2022

## **ABSTRAK**

Kejiranan merupakan antara komponen penting dalam mencapai kesejahteraan negara berpanjang. Hubungan kejiranan yang kukuh akan menjamin keselamatan masyarakat setempat. Namun, perubahan gaya hidup yang terlalu sibuk serta kemajuan teknologi yang semakin pesat menjadi faktor utama nilai perhubungan ini semakin terhakis. Hal ini menjadikan konflik dan pertelingkahan bukan lagi benda asing dalam kalangan masyarakat kontemporari. Justeru, kajian ini akan mengupas prinsip-prinsip alam bina kejiranan Islam dan aduan kejiranan di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) serta mencadangkan cara penyelesaian menurut perspektif Syariah. Aspek aduan yang dibincangkan merangkumi kesemua jenis aduan yang dilaporkan berdasarkan kepada statistik yang diperoleh daripada Jabatan Perhubungan Awam, MPKB-BRI. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah kajian lapangan yang dijalankan di MPKB-BRI. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data secara temubual bersama pegawai MPKB-BRI dan pengurusan data dokumen. Dapatkan kajian mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kini melaksanakan kaedah penyelesaian berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Analisis daripada Akta tersebut menunjukkan relevansi antara praktis kontemporari dan Fiqh klasik. Kajian ini menyimpulkan bahawa solusi penyelesaian konflik yang bersifat holistik, efisien dan komprehensif dapat direalisasikan dengan penghayatan dan adaptasi prinsip Islam secara bersepada. Adalah diharapkan penghasilan kajian ini dapat mengukuhkan hubungan kejiranan yang bukan sahaja penting bagi mengekalkan dasar pembinaan negara Malaysia bahkan untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing dan maju.

## **PENGHARGAAN**

Segala pujian selayaknya hanya kepada Allah SWT yang melimpahkan nikmat dan rahmat ke seluruh alam. Selawat dan salam buat junjungan agung Muhammad SAW, keluarganya, para sahabatnya dan sekalian yang beriman dengan risalahNya. Risalah yang menjadi dukungan penulis sepanjang kajian ini dijalankan sebagai suatu usaha kecil bagi menyambung usaha baginda dalam menegakkan syiar Islam.

Sekalung apresiasi kepada Prof. Madya Dr. Mohd Dani bin Muhamad dan Ustazah Sharifah Fadylawaty binti Syed Abdullah selaku penyelia yang senantiasa memberi tunjuk ajar, membantu, memantau dan memberikan sumbangan langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada ahli geran penyelidikan Pembinaan Model Patuh Syariah Etika-Perundungan Islam dalam Kerajaan Tempatan di Malaysia yang diketuai oleh penyelia saya sendiri. Terima kasih kepada Bahagian Ijazah Tinggi yang memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul amanah sebagai ahli majlis tertinggi (AMT) Persatuan Pascasiswa Akademi Pengajian Islam Kontemporari (APS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan memberi kerjasama yang baik dalam menjalankan pelbagai bengkel penyelidikan. Terima kasih juga kepada Ketua Jabatan, para pensyarah, staf, para pembantu penyelidik dan para pelajar dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Tidak dilupakan juga kepada pegawai-pegawai di MPKB-BRI di Jabatan Perhubungan Awam, Sekretariat Pembangunan Islam, Jabatan Penguatkuasaan dan sebagainya. Terima kasih juga kepada YB Dr. Izani bin Hussin yang berbesar hati menerima kunjungan kami ke Jabatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan memberikan kelulusan serta sokongan untuk menjalankan kajian ini.

Seterusnya, terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang bangun setiap malam memanjatkan doa agar segala urusan penulis dipermudahkan. Tidak dilupakan ahli rumah, sahabat-sahabat yang sudi meminjamkan telinga mendengar cerita suka dan duka sepanjang menyiapkan kajian ini. Segalanya menjadi warna-warni perjalanan menyiapkan tesis ini. Kepada yang datang, terima kasih kerana kasih dan semangat yang diberikan. Kepada yang pergi terima kasih kerana tetap mendoakan kejayaan.

Akhir kata, terima kasih atas segala-galanya. Hanya Allah yang mampu membalaunya. Penulis juga berharap agar kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam usaha mengharmonikan institusi kejiranan yang kian tenat di samping memperjuangkan prinsip-prinsip Islam yang syumul dan komprehensif. Hal ini kerana nilai universalnya bukan sahaja sesuai diasimilasi dan diaplikasi di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

## **ISI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xi</b>
<b>BAB SATU PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	1
1.3    Permasalahan Kajian	7
1.3.1    Kurangnya Penekanan Kepada Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Mengendalikan Isu-Isu Kejiraninan Berkaitan Alam Bina	7
1.3.2    Penambahbaikan Mekanisme Penyelesaian Konflik Kejiraninan Sedia Ada	10
1.4    Objektif Kajian	13
1.5    Persoalan Kajian	13
1.6    Skop Dan Limitasi Kajian	14
1.7    Kepentingan Kajian	15
1.8    Definisi Operasi	15
1.8.1    Alam Bina	15
1.8.2    Holistik	16
1.8.3    Sulh	16
1.9    Penutup	17
<b>BAB DUA SOROTAN LITERATUR</b>	<b>18</b>
2.1    Pendahuluan	18